

14/09/1998

Pembersihan parti dibuat sejak dulu

Rahman Hashim

MELAKA, Ahad - Gerakan pembersihan dalam Umno sudah berlaku sejak dulu lagi dan bukan selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada Umno, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, sejarah sudah membuktikan Umno melancarkan gerakan pembersihan bukan saja membabitkan ahli biasa, malah turut dikaitkan dengan beberapa pemimpin kerajaan lain.

Sebagai contoh, katanya, Umno pernah mengambil tindakan terhadap Datuk Harun Idris, Datuk Mokhtar Hashim, Tan Sri Ghazali Jawi dan beberapa pemimpin lain seperti Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib kerana pelbagai kesalahan.

Sehubungan itu, beliau yang juga Menteri Luar berkata Umno tidak memerlukan reformasi seperti yang dilaungkan Anwar, sebaliknya meminta semua ahli Umno supaya menolak gerakan reformasi berkenaan.

"Umno adalah parti reformasi yang sudah bermula sejak ia ditubuhkan lagi demi membela nasib rakyat daripada terus diperhambakan oleh penjajah.

"Sebenarnya, Umno mempunyai kredibiliti yang lebih tinggi kerana sanggup mengambil tindakan terhadap mana-mana ahli, termasuk pemimpin kanan parti," katanya ketika menyampaikan taklimat kepada pemimpin Umno bahagian dan cawangan di Auditorium al-Azim di sini, petang ini.

Majlis yang dianjurkan oleh Biro Penerangan Umno negeri itu turut dihadiri Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Melaka merangkap Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin dan timbalannya, Datuk Mohd Ali Mohd Rustam.

Abdullah berkata, pelucutan jawatan Anwar daripada Kabinet dan pemecatan keahliannya dalam Umno dibuat hanya selepas Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat laporan polis, selain penyiasatan yang dilakukan sendiri.

Bagaimanapun, beliau menegaskan pemecatan itu juga tidak berkaitan dengan konspirasi menjatuhkan Anwar atau kerana Dr Mahathir bimbang Anwar akan mencabarnya, tetapi disebabkan masalah moral Anwar sendiri.

"Siasatan teliti dibuat oleh pihak yang lebih berkuasa, iaitu polis dan bukannya Jawatankuasa Disiplin parti," katanya.

Menurut Abdullah, walaupun Perdana Menteri sudah lama mendengar pelbagai gambaran negatif terhadap timbalannya, pada mulanya beliau memang tidak dapat menerima kenyataan itu.

"Ahli Umno sepatutnya bersyukur kerana masalah moral Anwar disedari oleh Dr Mahathir ketika beliau masih lagi menjadi Perdana Menteri dan presiden parti," katanya.

Abdullah berkata, pemecatan itu juga mungkin ada rahmatnya kerana beliau tidak dapat bayangkan apa yang akan terjadi pada Umno dan kerajaan, jika Anwar menjadi Perdana Menteri.

"Kesalahan Anwar ini tidak dapat diterima oleh Dr Mahathir dan tindakan Perdana Menteri ini menunjukkan beliau lebih sayangkan parti dan negara daripada timbalannya sendiri," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Abdullah berkata Umno tidak mengamalkan 'double standard' ketika memecat Anwar jika dibandingkan dengan tindakan yang diambil terhadap Rahim dan Muhammad.

Beliau menjelaskan, tindakan itu terpaksa diambil kerana Anwar adalah Timbalan Perdana Menteri dan beliau diberi telah kesempatan memberi penjelasan ketika mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno tempoh hari.

(END)

